

Aidiladha

Merealisasikan Fitrah Makhluk Sosial

Manusia merupakan makhluk sosial yang mempunyai sifat ramah secara semula jadi. Hal ini boleh dianggap universal kerana diakui oleh banyak ahli pemikir sepanjang zaman tanpa mengira latar belakang tempat, aliran pemikiran atau agama.

Pythagoras pada zaman klasik Yunani pernah menyatakan bahawa manusia merupakan anggota masyarakat dan perlu menyempurnakan tanggungjawab sosialnya. Oleh itu, idea mengasingkan diri dan bertapa tidak digalakkan kerana bercanggah dengan maksud tersebut.

Aristotle yang boleh dianggap sebagai pemikir paling penting dalam perkembangan falsafah Yunani dan Barat pula mendefinisikan manusia sebagai makhluk sosial yang hidup bermasyarakat. Melalui penulisannya yang bertajuk *Nicomachean Ethics*, beliau menyatakan bahawa manusia ialah haiwan politik yang hidup bermasyarakat dan berkeupayaan untuk membentuk tamadun. Beliau berpegang pada pendapat bahawa akhlak atau etika perlu dibuktikan melalui tindakan atau perbuatan dalam masyarakat. Secara tidak langsung, beliau mengakui bahawa kehidupan sosial merupakan jalan semula jadi bagi kesempurnaan setiap individu.

Idea manusia sebagai makhluk sosial di Barat tidak terhenti dalam penulisan tokoh tamadun klasik Yunani, tetapi terus berkembang dalam penulisan ahli falsafah Barat moden. Idea ini boleh dilihat dalam penulisan pejuang sosialis tegar, iaitu Karl Marx. Menurut beliau, manusia ialah makhluk yang hidup bermasyarakat dan bekerja. Konsep masyarakat dan idea bekerja ini telah menjadi dasar penting dalam perkembangan sosialisme dan komunisme di Barat.

Selain itu, idea manusia sebagai makhluk sosial juga disokong oleh ahli sosiologi moden. Mereka mengakui bahawa hidup berseorangan tidak sempurna

kerana manusia bergantung pada masyarakat untuk mendapatkan perlindungan, kesenangan, pengasuhan, pelajaran, kelengkapan, peluang dan perkhidmatan khusus lain yang banyak disediakan dalam masyarakat.

Idea manusia sebagai makhluk sosial sebenarnya telah subur dalam penulisan falsafah Islam pada abad pertengahan. Antaranya termasuklah dalam karya falsafah akhlak Islam terawal yang bertajuk *Tahzib al-Akhlaq* karangan Miskawaih. Beliau menyatakan bahawa perkataan “insan” yang bermaksud manusia berasal daripada perkataan *uns* yang bermaksud



keramahan. Oleh itu, beliau menolak pandangan yang mengatakan bahawa “insan” berasal daripada perkataan *nasi* yang bermaksud pelupa atau mempunyai sifat lupa. Berdasarkan etimologi “insan” tersebut, sifat ramah secara semula jadi telah ada pada manusia, bahkan beliau turut menyatakan bahawa untuk menghadapi alam sekeliling, manusia perlu hidup berkawan dengan manusia lain dan pergaulan tersebut akan mendatangkan kepuasan pada jiwa. Manusia hanya boleh mencapai matlamat kesempurnaan jika mereka wujud sebagai makhluk sosial. Konteks sosial atau masyarakat penting untuk merealisasikan kebaikan dalam bentuk praktikal. Tanpa kehidupan bermasyarakat, kebaikan tidak akan kelihatan dan beku atau mati. Sebaliknya, kehidupan bermasyarakat dan interaksi sesama manusia akan mempelbagaikan kebaikan dan pengalaman jiwa seseorang.

Oleh sebab kepentingan sifat *uns* atau ramah, Miskawaih berpandangan bahawa syariat Islam seperti kelebihan solat berjemaah di masjid dan menunaikan haji membawa tujuan untuk menghayati

sifat ramah yang ada pada diri manusia. Beliau menyatakan bahawa solat fardu lima waktu berjemaah merupakan pertemuan harian manusia, solat fardu Jumaat pula merupakan pertemuan mingguan yang menjadi kewajipan terutamanya manusia di kota, manakala solat jemaah sunat hari raya yang dilakukan dua kali setahun merupakan perjumpaan tahunan yang mempertemukan mereka dari kawasan yang berhampiran di satu tempat yang lebih luas dan terbuka bagi memperbaharui sikap ramah. Selain itu, syariat juga menyediakan kepada manusia sekali seumur hidup untuk keluar dari negeri masing-masing bagi menunaikan haji dan bertemu di tanah suci Makkah. Melalui syariat, sifat semula jadi tersebut akan



direalisasikan dan boleh diaplikasikan melalui suatu kepercayaan benar yang mengikat manusia.

Selain itu, tokoh pemikir dalam perkembangan ilmu sosiologi Islam, iaitu Ibn Khaldun turut merakamkan dalam karyanya, *Muqaddimah* bahawa manusia secara semula jadinya bermasyarakat dan bertamadun. Beliau menyatakan bahawa manusia saling berhubung secara semula jadi. Menurut beliau, manusia tidak akan mampu memperoleh kehendak asasnya melainkan dengan bantuan masyarakat. Di samping itu, idea manusia sebagai makhluk sosial ini juga dibahaskan oleh al-Ghazali dalam *Ihya' 'Ulum al-Din*. Beliau menyatakan bahawa tabiat suka bergaul merupakan karakter yang baik, dan pengasingan diri pula terhasil daripada karakter yang tidak digalakkan.

Aidiladha: Manifestasi Sifat Ramah Manusia

Islam sebagai agama penunjuk bagi sekalian manusia tidak pernah menafikan keperluan sosial dan sifat ramah yang ada pada manusia. Suruhan dan larangan dalam syariat Islam sebenarnya mempunyai kekuatan pada aspek kemasyarakatan termasuk ketika sambutan

Kepedulian sesama manusia atau sifat altruistik memainkan peranan penting untuk memperkaya kehidupan yang baik sama ada secara individu mahupun kolektif.

perayaan seperti Hari Raya Aidiladha. Aidiladha merupakan perayaan yang ditunggu-tunggu dan disambut dengan meriah oleh umat Islam di seluruh dunia. Sebagaimana sambutan Hari Raya Aidilfitri, Hari Raya Aidiladha juga merupakan hari untuk umat Islam bergembira dan berseronok. Tambahan pula, Hari Raya Aidiladha atau Hari Raya Korban

merupakan hari kebesaran Islam yang mempunyai banyak kelebihan.

Sambutan Hari Raya Aidiladha pada bulan Zulhijah mempunyai elemen sosial dan kemasyarakatan. Aidiladha disambut setelah umat Islam menyempurnakan ibadat haji yang juga merupakan rukun Islam kelima. Walaupun Aidiladha disambut pada 10 Zulhijah, tetapi pada hari sebelumnya, iaitu hari Arafah merupakan hari terpenting bagi jemaah haji dan memberikan makna yang mendalam dalam ibadat haji.

Pada hakikatnya, Arafah mempunyai sejarah penting dalam Islam kerana merakamkan peristiwa

khutbah *wada'* atau khutbah perpisahan Rasulullah SAW, malahan di sini juga diturunkan wahyu tentang kesempurnaan ajaran Islam. Hal ini dibuktikan melalui firman Allah dalam *Surah al-Ma'idah* ayat 3 yang bermaksud, "Pada hari ini telah Aku sempurnakan untuk kamu agamamu, dan telah Aku cukupkan kepadamu nikmat-Ku, dan telah Aku redai Islam itu menjadi agama bagimu."

Hari Arafah juga merupakan antara hari yang dimuliakan oleh Allah SWT kerana pada ketika itu, berkumpulnya semua jemaah haji dalam keadaan penuh khushyuk mengabdikan diri kepada-Nya. Mereka menadah tangan lalu berdoa supaya dosa mereka diampunkan dan segala amalan diterima di sisi Allah SWT. Wuquf di Arafah ini merupakan rukun haji yang memerlukan jemaah haji berada di Padang Arafah mulai tergelincirnya matahari (waktu zuhur) pada 9 Zulhijah hingga sebelum fajar pada 10 Zulhijah. Jemaah haji akan menghabiskan masa membaca al-Quran, berwirid, berzikir, mendirikan solat sunat dan bermuhasabah diri. Mereka mengakui dosa yang telah lalu serta memohon keampunan kerana Padang Arafah antara tempat yang paling mustajab untuk berdoa. Pada hari tersebut, Allah bukan sekadar melepaskan azab neraka bagi orang yang berwuquf di Arafah, malahan juga umat Islam lain yang tidak berwuquf.

Selain pengampunan dosa, ibadat wuquf di Arafah juga memberikan makna kesatuan dan persaudaraan bagi umat Islam. Hal ini dikatakan demikian kerana pada ketika itu, semua umat Islam yang mengerjakan haji tanpa mengira status sosial dan warna kulit mahupun negara akan berkumpul di suatu tempat yang lapang. Aspek sosial dalam ibadat haji inilah juga yang telah dibincangkan oleh Miskawaih dalam karyanya. Oleh hal yang demikian, pensyariatan wuquf di Arafah mengajar manusia tentang pentingnya kesatuan, saling mencintai dan menghormati antara satu dengan lain. Inilah antara dimensi *uns* atau ramah pada manusia yang dipraktikkan dalam ibadat wuquf di Arafah. Ibadat lain yang dijalankan selepas wuquf juga merupakan aktiviti ibadat yang dilakukan secara kolektif atau dalam jemaah dan bukan bersendirian. Antaranya termasuklah melontar jamrah dan bertahalul daripada perkara yang diharamkan dalam haji, melakukan perkara sunat khusus dalam haji, menyembelih haiwan bagi ibadat korban, menyempurnakan nazar dan tawaf.

Aidiladha disambut oleh semua umat Islam sama ada mereka berkesempatan untuk menunaikan ibadat haji ataupun tidak kerana pada hari kebesaran ini,

umat Islam akan diberikan pengampunan daripada dosa dan terlepas daripada azab neraka. Pada hari yang mulia ini, umat Islam disunatkan untuk berkumpul dan melaksanakan solat sunat Aidiladha selain berzikir dan bertakbir. Tujuan utama solat sunat Aidiladha adalah untuk menzahirkan kegembiraan dan kesyukuran melalui takbir dan tahmid. Miskawaih menyatakan dalam *Tahzib al-Akhlaq* bahawa solat sunat Aidiladha menjadi simbol penting bagi merealisasikan sifat *uns* manusia. Oleh sebab itu, walaupun pada kebiasaannya solat sunat disyariatkan untuk didirikan secara bersendirian, tetapi solat sunat Aidiladha sunat didirikan secara berjemaah. Apatah lagi berdasarkan hadis Rasulullah SAW, solat tersebut sunat didirikan di kawasan lapang dan terbuka bagi mempertemukan masyarakat Muslim dari kawasan yang berhampiran. Hal yang demikian bertujuan untuk memperbaharui sikap ramah yang ada pada manusia.

Pada ketika ini, setiap Muslim yang hadir untuk menunaikan solat sunat hari raya akan berjumpa dengan ahli keluarga dan juga sahabat handai serta jiran tetangga. Selepas selesai solat, semua yang hadir akan bersalaman, bertegur sapa dan menururkan ucapan yang baik. Selain solat sunat Aidiladha, amalan yang disunatkan semasa sambutan Aidiladha juga tidak bersifat peribadi, sebaliknya terbuka ke ruang masyarakat. Contohnya, memakai pakaian yang baik dan mengenakan wangi-wangian, keluar solat awal dengan berjalan kaki, melalui jalan yang berbeza ketika pergi dan pulang daripada menunaikan solat, membantu keluarga dari segi kewangan, memperbanyak sedekah, menzahirkan keceriaan dan kegembiraan ketika bertemu dengan orang mukmin, ziarah-menziarahi bagi mengeratkan silaturahmi, serta mengucapkan sebarang ucapan yang baik. Perlakuan ini sangat digalakkan dalam Islam kerana dapat mengeratkan hubungan persaudaraan sesama Muslim terutama dalam keluarga sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud, "Barang siapa yang suka untuk diperluaskan baginya rezeki, dan ditangguhkan (dipanjangkan) umurnya, maka hendaklah dia menyambung (mengukuhkan) hubungan persaudaraannya." (Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Selepas mendirikan solat sunat Aidiladha, umat Islam akan menyempurnakan ibadat korban, iaitu ibadat utama semasa sambutan Aidiladha dan ibadat sunat yang sangat digalakkan dalam agama. Umat Islam yang tidak mengerjakan ibadat haji

Korban Hamba

Berkorban itu belajar memberikan apa yang disenangi menyerahkan tanpa mengharap ganti walaupun payah, tidak menagih simpati kerana ini korban misali suruhan langit tuntutan syarii daripada Tuhan, Tuan yang Memiliki.

Jika esok ditanya
jawablah aku hamba yang tiada punya
kudratku diberi, aku tiada daya
mengharap ihsan Tuhan yang Maha Kaya
agar dipayungi rahmat di dua dunia.



disunatkan untuk melaksanakan penyembelihan haiwan sebagaimana yang dibenarkan untuk korban. Korban merupakan syiar penting dalam Islam dan juga sebagai tanda syukur terhadap nikmat yang dikurniakan oleh Allah kepada makhluknya. Ibadat korban merupakan sunah yang dilakukan oleh Nabi Ibrahim a.s. dan Nabi Muhammad SAW. Ibadat korban mengambil ibrah daripada kisah Nabi Ibrahim a.s. yang diperintahkan oleh Allah SWT untuk menyembelih anaknya, Nabi Ismail a.s. Peristiwa ini mengajar umat Islam tentang erti pengorbanan dan ketaatan terhadap perintah Allah SWT. Dalam kisah Nabi Ibrahim a.s., Allah telah menggantikan anaknya, Nabi Ismail a.s. dengan seekor kibas. Hal ini menjelaskan tentang hikmah daripada penyerahan diri kedua-dua nabi a.s. kepada perintah Allah SWT.

Ibadat korban secara tradisinya dijalankan secara bergotong-royong, bermula daripada penyembelihan sehinggalah aktiviti mengagih daging korban. Aktiviti ini menunjukkan bahawa syariat yang terkandung dalam ibadat korban mempunyai elemen ramah dan sosialnya. Apatah lagi pengagihan daging korban kepada seluruh penduduk setempat dilakukan tanpa mengira status dan latar belakang mereka. Perkongsian manfaat, iaitu daging korban kepada masyarakat terutama kepada orang yang kurang bernasib baik membuktikan sisi kemasyarakatan ibadat korban. Hal ini menyedarkan seseorang bahawa kepedulian sesama manusia atau

sifat altruistik memainkan peranan penting untuk memperkaya kehidupan yang baik sama ada secara individu mahupun kolektif. Oleh hal yang demikian, ibadat korban mempunyai kebaikan multidimensi, iaitu kebaikan dalam hubungan antara seseorang manusia dengan Tuhan, seseorang manusia dengan dirinya sendiri, dan seseorang manusia dengan masyarakat.

Ibadat korban juga dapat mengingatkan manusia tentang kepentingan berkorban kerana kehidupan bermasyarakat tidak sempurna tanpa ada kesediaan berkorban bagi setiap anggota masyarakat. Seseorang manusia akan memberikan apa-apa yang ada padanya dan sentiasa mengutamakan orang lain dalam erti kata berkorban secara umum. Contohnya, dalam kehidupan berkeluarga, setiap anggota keluarga terutamanya ibu bapa akan berkorban demi memastikan anak-anak mereka berjaya dan bahagia. Oleh itu, masyarakat yang dibentuk oleh kesedaran berkorban ialah masyarakat yang sentiasa berasa cukup dan dapat hidup dengan harmoni. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa ibadat korban mampu menjadi mekanisme untuk mengeratkan hubungan persaudaraan melalui keprihatinan dalam kehidupan bermasyarakat.

Kesimpulannya, sambutan Hari Raya Aidiladha merealisasikan fitrah sosial atau sifat ramah yang ada dalam diri manusia. Aidiladha sentiasa dihidupkan dengan pelbagai tuntutan ibadat dan aktiviti berbentuk sosial, apatah lagi kesempurnaan individu bergantung pada kesempurnaan keluarga dan masyarakat. Keterlibatan seseorang dalam masyarakat akan menjamin kebahagiaan pada tingkatannya yang lebih tinggi. Untuk melaksanakan tuntutan tersebut, seseorang perlu melibatkan dirinya dengan masyarakat terutamanya sesama Muslim. Semua ibadat dan aktiviti sosial ini akan diberikan ganjaran pahala oleh Allah SWT.

Oleh itu, falsafah Hari Raya Aidiladha dalam Islam bukan sekadar sambutan besar-besaran dengan pakaian cantik dan baharu semata-mata, tetapi adalah untuk menginsafi rasa kehambaan dengan menyempurnakan suruhannya. Pada akhirnya, syariat Islam seperti sambutan Hari Raya Aidiladha menunjukkan nilai ketaatan hamba kepada Pencipta. Jika dilihat dari aspek sosialnya, Aidiladha memberikan manfaat yang luas kepada masyarakat. Dalam erti kata lain, anjuran ibadat dan aktiviti dalam sambutan Hari Raya Aidiladha menepati maslahat atau aspek utilitariannya dalam masyarakat, serta dapat merealisasikan fitrah ramah manusia. ¹⁰